

Headline	PM berbesar hati sumbangan TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	811 cm ²	Journalist	Zamzurina Ahmad
PR Value	RM 48,087		



Bantu baik pulih 100 rumah Orang Asli dalam Parlimen Pekan

PM berbesar hati sumbangan TNB

Oleh ZAMZURINA AHMAD
pengarang@utusan.com.my
■ PEKAN 9 APRIL

SEBANYAK 100 rumah masyarakat Orang Asli di daerah ini bakal menerima bantuan di bawah Projek Membaik Pulih Rumah-Rumah Kediaman Golongan Miskin tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini.

Sumbangan peringkat pertama melibatkan 50 buah rumah dengan kos sebanyak RM300,000.

Tambahan lagi 50 buah rumah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpai dekat sini baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, bantuan itu sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB. "Kita amat berbesar hati dengan sumbangan TNB menerusi program CSR mereka dalam usaha membantu golongan miskin khususnya Orang Asli di daerah ini.

"Sebanyak 100 buah rumah ini akan dipilih dan diberi bantuan baik pulih mengikut keperluan



NAJIB TUN RAZAK menerima replika cek daripada Azman Mohd. sambil diperhatikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd. Ariff dalam Program Lawatan Kerja dan Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpai, Pekan, baru-baru ini.

mereka sama ada kerosakan infrastruktur, pendawaian elektrik atau saluran paip," katanya ketika

berucap pada Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Simpai di sini baru-baru ini.

Turut hadir Yang Dipertua

Sebanyak 100 buah rumah ini akan dipilih dan diberi bantuan baik pulih mengikut keperluan mereka sama ada kerosakan infrastruktur, pendawaian elektrik atau saluran paip."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Ishak Muhammad; Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Isa Ab. Hamid; Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) negeri, Johari Ali dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

Menurut Najib, syarikat Feilo Sylvania juga akan memberikan bantuan berjumlah RM100,000 bagi pemasangan 3,000 unit lampu LED di 15 buah sekolah di Pekan khususnya di perkampungan Orang Asli.

"SK Kampung Simpai adalah salah sebuah sekolah yang terpilih untuk pemasangan lampu berkenaan dan saya diberitahu (pemasangan lampu berkenaan) bakal menjimatkan penggunaan elektrik sebanyak 50 peratus.

"Sebenarnya masyarakat Orang Asli ada tempat khas di sudut hati kecil saya kerana saya mahu mengangkat golongan ini setaraf dengan kaum-kaum lain," katanya.

Sementara itu, dalam temu bual yang distarkan secara langsung di radio masyarakat Orang Asli, Asyik FM sempena program itu, Najib berkata, beliau akan terus memajukan masyarakat itu supaya tidak ketinggalan dengan arus pembangunan negara.

"Saya cukup dekat dengan masyarakat Orang Asli, saya memahami budaya masyarakat ini. Sebab itu program saya bersama Orang Asli berpanjangan," katanya.

Tambah beliau, masyarakat Orang Asli sudah tahu yang mana kaca dan permata serta bijak menilai siapa yang boleh mereka bergantung harap untuk terus membela masyarakat minoriti berkenaan.



NAJIB TUN RAZAK bermesra bersama masyarakat Orang Asli dalam Program Lawatan Kerja dan Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpai, Pekan, baru-baru ini.



ORANG Asli bertepuk tangan selepas mendengar ucapan Perdana Menteri yang mahu terus membela nasib mereka dalam Program Lawatan Kerja dan Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpai, Pekan, baru-baru ini. -UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN